

<input checked="" type="checkbox"/> Utusan Malaysia
<input type="checkbox"/> Mingguan Malaysia
Tarikh: 8/6/2011
Hari: KAMU W/S: 26
Ruangan: HELO KAMPUS

# 1,200 pelajar UUM sertai program amal di seluruh negara

## Siswa berbakti di 32 kampung

Oleh MOHD. SHARIZA ABDULLAH  
 utusankedah@utusan.com.my

**KUBANG PASU 7 Jun** - Kira-kira 1,200 penuntut Universiti Utara Malaysia (UUM) menyertai Program Bakti Siswa Perdana 2011 di 32 buah kampung di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak selama seminggu bermula 1 Jun lalu.

Turut serta dalam program mega yang antara lain bertujuan membentuk dan mendidik mahasiswa menjadi pemimpin berjiwa rakyat itu ialah 25 penuntut dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) Arau, Perlis.

Presiden Persatuan Alumni UUM, Datuk Seri Dr. Shahidan Kassim berkata, program bakti siswa merupakan saluran terbaik kepada penuntut untuk membantu masyarakat terutama dalam memahami rancangan kerajaan seperti Pelan Transformasi Ekonomi dan Pelan Transformasi Negara.

Katanya, menerusi program seumpama itu, para peserta akan memperoleh pengalaman yang tidak dapat dibeli seperti memantapkan mereka dalam menempuhi kehidupan sesebuah masyarakat selepas tamat pengajian kelak.

"Apabila mahasiswa menjadi pemimpin kelak, mereka tidak lagi gentar berhadapan pelbagai konflik dan masalah kerana kebadiran mereka dalam anggota masyarakat memberi manfaat dan pengalaman cukup berharga," katanya ketika berucap merasmikan Program Bakti Siswa Perdana 2011 di Dewan Mu'adzam Shah, UUM, Sintok baru-baru ini.

Sepanjang program tersebut, para peserta mempelajari cara-cara menjadi pemimpin kecil dalam komuniti di kawasan khidmat masyarakat



SHAHIDAN Kassim (dua dari kiri) beramah mesra bersama peserta Program Bakti Siswa Perdana 2011 di UUM, Sintok, Kubang Pasu, baru-baru ini.

rakat masing-masing dengan menjalankan pelbagai aktiviti seperti memberi motivasi dan menupuk keyakinan diri penduduk serta anak-anak mereka.

Mereka juga dipupuk ke arah kemahiran berkomunikasi, berfikir secara kritis untuk menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, kepimpinan dan etika bermasyarakat dalam usaha membantu

negara melahirkan masyarakat berilmu serta berdaya saing.

Sementara itu Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UUM, Datuk Dr. Ahmad Faiz Hamid berkata, program berkenaan merupakan platform bagi mahasiswa untuk menunjukkan contoh yang baik kepada masyarakat.

Katanya, penyertaan mahasiswa mampu membantu membina keaja-

ngin masyarakat terutama di luar bandar menerusi motivasi dan semangat untuk mengajak mereka mengejar kejayaan.

Pengarah Hal Ehwal Pelajar UUM, Prof. Madya Dr. Amy Azhar Mohd. Harif pula berkata, bakti siswa merupakan salah satu agenda dalam pelan strategik universiti itu yang melibatkan 75 peratus penuntut menyertai program bersama komuniti.

Katanya, penuntut boleh berperanan sebagai ejen perubahan dalam menyampaikan pelbagai maklumat untuk pengetahuan masyarakat.

"Program bakti siswa dapat memberi pendedahan kepada pelajar untuk lebih matang dan memahami mengenai apa yang berlaku dalam masyarakat. Kehadiran mereka juga sentiasa dinanti-nantikan oleh masyarakat," katanya.